

UMNO Johor: Persekitaran

peringkat dan agian dijangka berakut...

Setakat ini belum diketahui siapakah akan tanding Ketua Bahagian Segamat



■ TAN SRI OTHMAN SAAT

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

JOHOR BAHRU. — Persaingan hebat antara beberapa tokoh politik Johor merebut pucuk pimpinan UMNO peringkat bahagian dijangka berlaku dalam mesyuarat perwakilannya bulan Februari dan Mac depan.

Walaupun masih ada lagi dua bulan lebih sebelum penentuan dibuat, keghairahan ahli-ahli UMNO dalam soal pucuk pimpinan sudah ketara sekarang ini.

Perubahan jawatan dijangka akan berlaku sekurang-kurangnya dalam sembilan dari 16 bahagian UMNO Johor. Persaingan merebut jawatan ketua bahagian diktakan akan berlaku dalam bahagian-bahagian Johor Bahru, Pontian, Batu Pahat, Gempang, Semerah, Segamat Muar, Ledang dan Tenggara.

Kemungkinan munculnya tokoh-tokoh baru untuk merebut jawatan penting dalam bahagian lain juga tidak dapat dikepitkan.

Pemerti pemerhati politik berkata, tokoh-tokoh baru menonjolkan aktiviti mereka sebagai calon untuk jawatan ketua bahagian atau ketua pemuda bahagian dalam pemilihan Februari-Mac depan memang diduga, memandangkan perkembangan baru dalam UMNO di Johor Bahru.

Budibicara

Pemerti mengambil membayangkan pengambilan aih jawatan Ketua Badan Perhubungan UMNO Johor oleh Datuk Musa Hitam dari Menteri Besar Tan Sri Haji Othman Saat dan juga pemilihan Datuk Musa akan tokoh-tokoh baru menduduki Jawatan kuasa Perhubungan Negeri

sebagai galakan kepada tokoh-tokoh baru menampilkan diri sebagai pemimpin menggantikan golongan veteran.

Perubahan jawatan pucuk pimpinan bahagian-bahagian bertambah pesat bila pilihannya umum diramalkan diadakan bila-bila masa saja.

Bagaimanapun, tidak semestinya ketua bahagian dipilih menjadi calon pilihannya, seperti kata Setiausaha UMNO Johor, Datuk Abdul Rahman Mahmud, pemilihan calon terpujang kepada budibicara pucuk pimpinan parti.

Bagaimanapun tidak dapat dinafikan, ketua bahagian memang mempunyai peluang yang lebih baik untuk menjadi calon dari tokoh-tokoh lain.

Bahagian Johor Bahru di ramalkan mengemukakan tiga calon jawatan ketua bahagian terdiri dari Timbalan Ketua UMNO Bahagian, Datuk Haji Haanah Ahmad, Nalib Ketua Bahagian itu, Datuk Jaafar Hamzah, Exco Kerajaan Johor dan Ketua Pemuda Bahagian itu, Datuk Abdul Shabih Samad yang juga Timbalan Menteri Perhubungan dan Perindustrian.

Jawatan ketua bahagian ini kosong sejak beberapa bulan lalu kerana tuntutan perletakan jawatan bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Ada kemungkinan setiausaha bahagian tersebut, Haji Ali Hassan akan bertanding sebagai naib yang dipertua dan ini diambil akan menambah beban lagi perhubungan kuasa dalam bahagian

Oleh RASINAH MOHAMED

tersebut. Perubatan jawatan ketua di Batu Pahat akan bertanding antara Ketua UMNO Bahagian itu, Datuk Saadon Nout dan Timbalannya, Datuk Jalal Abu Bakar. Running mate Datuk Jalal ialah Abu Bakar Dewa, ketua pemuda bahagian yang akan bertanding timbalan ketua.

Regangan juga akan berlaku perubatan jawatan Ketua Bahagian kerana jawatan itu kosong sejak kematian Ketua Bahagian itu, Alhaji Arham Mohd Yassin Hassan tidak lama dahulu.

Setiausaha Bahagian itu, Enck Mohamad Yahya diduga akan bertanding untuk jawatan itu. Mungkin juga Ketua Pemuda, Tosrin Jarwan akan turut bertanding untuk jawatan tertinggi itu.

Cawangan

Bahagian Pontian juga diramalkan akan berlaku perubatan jawatan antara Ketua Bahagiannya seorang, Datuk Abdullah Sudin dengan Timbalannya, Haji Klawan Nasir.

Sukar untuk diramalkan dalam bahagian ini siapakah yang akan menang kerana calon-calon ini 'kuat pengaruhnya'.

Dua tahun lalu, kedua nama ini dicalonkan untuk jawatan itu tetapi pengundian tidak dilakukan kerana kedua yang bertanding bersekat untuk berkompromi bagi mengelakkan krisis dan pecah-belah di antara ahli bahagian itu.

Difahamkan, Haji Ikhwam Nasir akan tetap bertanding kali ini jika namanya dicalonkan

oleh cawangan untuk jawatan Ketua Bahagian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Puan Sharifah Dora Mohamed dijangka akan bertanding jawatan Ketua UMNO bahagian Semerah. Jawatan itu sekarang dipegang oleh Datuk Haji Ridwan Salleh.

Puan Sharifah Dora adalah Ahli Jawatan Kuasa UMNO bahagian Pulai.

Bahagian Muar, Datu Salimam Ninam Shah dijangka akan bertanding oleh Enck Saieeh ketam, bekas Setiausaha Politik Tan Sri Kadir Yusoff.

Di bahagian Ledang, Datuk Ngah Abdul Rahman dijangka akan ditentang oleh Timbalan Ketua Bahagian itu, Datuk Haji Embong Yahya. Dijangka perubatan jawatan ini sangat kerana kedua calon ini selain dari mempunyai pengaruh kuat, adalah tokoh politik yang terkenal.

Datuk Haji Ngah adalah Exco Kanan Kerahajaan Johor dan Datuk Haji Embong adalah Timbalan Menteri Perhubungan.

Bahagian Tenggara akan ada perubatan untuk jawatan Ketua Bahagian ialah di antara Tan Sri Kadir Yusoff dengan Timbalannya, Datuk Abdul Rahman

■ DATUK MUSA

Sabri yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Johor.

Sukar diramalkan siapakah akan menang kerana seorang tokoh lama dan seorang lagi dari tokoh muda. Mungkin krisis dan pergolakan dalam Pergerakan Pemuda UMNO Johor akan dijadikan isu oleh ahli-ahli bahagian yang mahukan tokoh lain selain dari Datuk Abdul Rahman Sabri menjadi ketua.

Menentang

Setakat ini, tidak diketahui siapakah yang akan bertanding untuk jawatan Ketua Bahagian Segamat.

Difahamkan seorang muka baru akan bertanding untuk jawatan itu selain itu, Enck Mohyiddin Mohd Yassin.

Sementara itu, bahagian Pagoh dijangka akan mengalami perubahan jawatan bahagian ialah Datuk Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat membuat keputusan untuk bersara.

Ca a n yang diramalkan bertanding untuk jawatan itu ialah Enck Mohyiddin Mohd Yassin.

Bahagian-bahagian yang dijangka tidak akan bertukar ketua ialah Bahagian Pulai, Datuk Mohamed Rahmat, Labis, Datuk Musa Hitam, Keluang, Datuk Syed Zaini Al-Shahab, Sei Gadang, Enck Mustapha Mohamed dan Pagoh. Jika Tan Sri Othman Saat tidak bersara dari politik.

Persaingan untuk ketua-ketua Pemuda juga diktakan akan hebat.